

## KESEDIAAN PELAJAR DALAM MENDAPATKAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH

*Students' Readiness in Accessing Guidance and Counseling Services in Schools*

Atihirah Mohd Amin & Taquddin Abd Mukti\*  
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

\*Corresponding author: [taquddin@fpm.upsi.edu.my](mailto:taquddin@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 10 December 2024

**To cite this article (APA):** Mohd Amin, A., & Abd Mukti, T. (2024). Kesiediaan pelajar dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3), 202–210. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.19.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.19.2024>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap stigma murid serta tahap kesiediaan murid terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan maklumat diperolehi melalui soal selidik yang melibatkan 125 orang murid tingkatan empat dan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Naning, Melaka. Soal selidik yang digunakan ialah alat ukuran *Self-stigma of seeking help Scale* (SSOSH) dan *Attitudes Toward Seeking Professional Psychological Help* (ATSPPH). Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang positif antara stigma murid dengan kesiediaan pelajaran dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa stigma pelajar perlu diperbaiki bagi meningkatkan lagi kesiediaan mereka dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

**Kata kunci:** stigma, kesiediaan pelajar, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

### ABSTRACT

*This study aims to identify the level of student stigma and student readiness for guidance and counseling services in schools. The study was conducted as a survey, and information was obtained through a questionnaire involving 125 Form Four and Form Five students at Sekolah Menengah Kebangsaan Naning, Melaka. The questionnaire used included the Self-Stigma of Seeking Help Scale (SSOSH) and the Attitudes Toward Seeking Professional Psychological Help (ATSPPH). Pearson correlation analysis results showed a positive relationship between student stigma and readiness to access guidance and counseling services. The implications of this study indicate that student stigma needs to be addressed to further enhance their readiness to seek guidance and counseling services.*

**Keywords:** stigma, student readiness, guidance, and counseling services

### PENGENALAN

Perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) di sekolah telah melalui sejarah yang panjang. Pada tahun 1963 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan perkhidmatan ini di sekolah. Permulaannya perkhidmatan UBK memfokuskan kepada memberi bimbingan vokasional dan akademik kepada para pelajar (Amir & Latiff, 1984). Selanjutnya, pada tahun 1980-an, perkhidmatan

ini diperluaskan lagi dengan pelantikan guru-guru bimbingan di sekolah menengah. Langkah ini bertujuan untuk membantu mengurangkan masalah penagihan dadah di kalangan pelajar (Ching & Kok Mun, 2010). Seterusnya, pada tahun 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil langkah lebih proaktif dengan mewujudkan jawatan kaunselor sepenuh masa di sekolah-sekolah (Bahagian Sekolah Jabatan Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996). Menjelang tahun 2000, setiap sekolah menengah di Malaysia telah mula mempunyai seorang kaunselor tetap yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kaunseling kepada para pelajar. Mutakhir ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk menaikkan nisbah kaunselor dengan pelajar daripada 1 nisbah 350 bagi sekolah rendah dan 1 nisbah 500 sekolah menengah kepada 1 nisbah 250 pelajar. (Berita Harian, 29 Ogos 2019).

Sehubungan itu, kepesatan perkembangan perkhidmatan UBK ini seiring dengan kepentingan peranan dan keberkesannya yang semakin diterima oleh warga sekolah. Antara perkhidmatan yang ditawarkan. Menurut Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2005), perkhidmatan UBK meliputi empat bidang utama iaitu sahsiah, disiplin, kerjaya dan kesejahteraan mental. Dalam hal ini kaunselor sebagai personalia menerajui UBK dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan empat bidang utama ini. Seterusnya, Akta Kaunselor 1198 (Akta 580) telah memperincikan peranan kaunselor (kaunselor berdaftar) dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling yang merupakan suatu proses sistematik dalam membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan, penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien. (Akta Kaunselor 1998).

Dalam memperihalkan perkembangan positif UBK ini, wujud kebimbangan dalam kalangan masyarakat tentang peranan dan keberkesanan UBK berikutan kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam parlimen. Beliau merujuk laporan tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyatakan berlaku peningkatan dua kali ganda masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berumur 5 hingga 15 tahun. Kes didapati meningkat kepada 16.5 peratus atau 922, 318 pada tahun 2020, daripada 7.9 peratus atau 424, 000 pada 2019. Justeru itu kebimbangan masyarakat memang berasas khususnya ibubapa.

Sehubungan itu, dalam meneroka kefahaman tentang kesediaan pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan UBK ini, dapatan kajian yang dijalankan terhadap pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati bahawa perkhidmatan kaunseling tidak digunakan oleh pelajar secara optimum kerana faktor-faktor seperti stigma, masalah akses dan juga merasakan kaunseling sebagai tidak perlu (Salina Nen & Khairul Azmi Ibrahim, 2018; Sulaiman & Rahman, 2021). Antara faktor yang banyak dibincangkan dalam kajian terdahulu ialah stigma sosial yang terkait dengan masalah kesihatan mental atau kesulitan emosional dan akademik (Sulaiman & Rahman, 2023). Stigma ini dapat membuat murid merasa malu, takut, atau merasa diri mereka akan dihakimi oleh teman sebaya atau orang lain di lingkungan sekolah. Akibatnya, mereka mungkin enggan untuk mengakui atau mencari bantuan untuk masalah-masalah yang mereka hadapi.

Dalam kajian Lee dan Chong (2023) pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat stigma yang dialami oleh pelajar dan keengganannya untuk memanfaatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling walaupun mereka mengalami tekanan psikososial yang tinggi. Pelajar yang mengalami stigma yang lebih tinggi cenderung memiliki tingkat keengganannya yang lebih tinggi untuk mencari bantuan dari kaunselor. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, termasuk ketakutan akan menjauhkan reputasi, merasa malu untuk mengakui keperluan akan bantuan emosi atau mental, atau keyakinan bahawa mereka dapat menangani masalah mereka sendiri tanpa bantuan dari pihak luar.

Kajian oleh Ahmad dan Yusof (2021) menunjukkan bahawa stigma memainkan peranan dalam mempengaruhi sikap dan perilaku pelajar terhadap penggunaan bimbingan dan kaunseling. Pelajar sering kali merasa malu, takut akan penilaian dari teman sebaya, atau merasa bahawa memanfaatkan perkhidmatan tersebut menunjukkan kelemahan atau kekurangan diri. Faktor-faktor ini secara signifikan mengurangi kesediaan mereka untuk mencari bantuan meskipun mengalami tekanan psikososial atau masalah emosional yang serius.

Isu kesediaan murid yang berkait rapat dengan stigma sosial ini merupakan topik yang kompleks dan penting untuk difahami dalam bidang pendidikan dan psikologi. Oleh itu kajian terhadap pelajar tingkatan empat dan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Naning, Melaka dilaksanakan bagi meneroka dan menjelaskan kebimbangan yang wujud dalam kalangan masyarakat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Asas kebimbangan masyarakat terhadap status kesihatan dan kesejahteraan mental pelajar dapat dikaitkan dengan hasil kajian yang lepas. Antaranya kajian *World Health Organization* (2021), dalam laporannya menyatakan satu daripada tujuh (14%) remaja yang berumur 10 hingga 19 tahun mengalami masalah kesihatan mental, dan sebahagian besarnya masih tidak dapat dikenal pasti serta tidak menerima apa-apa rawatan. Selanjutnya hasil kajian lain, *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) (2017) terhadap lebih 30,000 remaja berusia 13 hingga 17 tahun yang mengambil ujian saringan *Depression Anxiety and Stress Scale 21* (DASS-21) mendapati satu daripada setiap lima remaja mengalami kemurungan, dua dalam setiap lima remaja mengalami simptom keresahan, dan satu daripada sepuluh remaja mengalami stres atau tekanan (Institute for Public Health, 2017). Manakala dalam satu lagi kajian oleh NHMS di seluruh Malaysia pada tahun 2019, melaporkan seramai 7.9% kanak-kanak dan remaja mengalami masalah kesihatan mental. Manakala individu berusia 10 hingga 15 tahun mempunyai kekerapan masalah kesihatan mental yang lebih tinggi iaitu 9.5% (Institute for Public Health, 2019). Antara masalah mental yang dilaporkan adalah masalah emosi, iaitu masalah kemurungan, panik, keresahan dan sebagainya. Hal ini menunjukkan masih ramai kanak-kanak dan remaja yang tidak mendapatkan rawatan atau sokongan yang diperlukan. Situasi seumpama ini telah mencetuskan kebimbangan masyarakat bahawa masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja adalah signifikan dan meluas.

Cetusan kebimbangan ini dikaitkan pula dengan persoalan sejauhmana peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dalam membantu murid mengatasi cabaran akademik, sosial, dan emosi (Sulaiman & Rahman, 2023). Walaupun perkhidmatan ini sudah lama diwujudkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, namun kesediaan murid untuk memanfaatkan perkhidmatan ini masih tidak memuaskan dan menjadi isu yang memerlukan perhatian. Menurut American School Counselor Association (ASCA), kaunselor sekolah berperanan dalam membantu pelajar mencapai potensi akademik mereka, menyediakan bantuan sosial dan emosi, serta membantu mereka mempertimbangkan pilihan-pilihan akademik dan kerjaya yang sesuai (ASCA, 2021). Oleh itu, bimbingan dan kaunseling di sekolah memainkan peranan yang penting dalam menyokong perkembangan pelajar secara holistik. Mereka tidak hanya membantu dalam menguruskan isu-isu akademik, tetapi juga menyediakan sokongan emosi dan sosial yang diperlukan untuk pertumbuhan dan kejayaan mereka di dalam dan di luar bilik darjah. Sehubungan itu dalam kajian bersama antara *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023) yang menilai kesediaan pelajar mendapatkan bantuan berdasarkan tujuh aspek utama seperti gaya hidup, persekitaran, sokongan sosial, dan mekanisme daya tindak. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam kesedaran mengenai kesihatan mental, namun stigma dan akses kepada perkhidmatan kaunseling masih menjadi cabaran utama.

Selanjutnya, persoalan isu kesediaan pelajar mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah juga dilihat mempunyai hubungan dengan stigma sosial terhadap UBK. Kajian Lim dan Ng (2020) yang menemukan adanya korelasi yang signifikan antara tingkat stigma yang dialami oleh pelajar dan keengganan mereka untuk memanfaatkan perkhidmatan tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar yang mengalami stigma yang lebih tinggi cenderung merasa malu atau takut untuk mengakui keperluan mereka terhadap bantuan emosional atau mental dari kaunselor. Stigma ini menjadi penghalang utama yang mengurangi kesediaan pelajar untuk mencari solusi terhadap masalah emosional atau psikososial yang mereka hadapi di sekolah. Justeru itu, persoalan ini harus dirungkaikan supaya pihak UBK boleh mengambil langkah proaktif menerusi kaedah pendekatan modul kaunseling (pendidikan, pengembangan, pencegahan, intervensi dan pemulihan) sekolah bagi menangani halangan psikologi ini.

## OBJEKTIF

Tujuan kajian ini dijalankan adalah mengikut objektif kajian khusus, iaitu:

1. Mengenalpasti tahap stigma murid terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling
2. Mengenalpasti tahap kesediaan murid untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling
3. Mengenalpasti hubungan stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif yang dilakukan secara kaedah tinjauan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden (Marican, 2006). Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan satu penjelasan yang tepat terhadap ciri yang terdapat pada individu dalam kumpulan. Kelebihan menggunakan kaedah ini adalah untuk mencapai responden yang sukar dihubungi, kos yang rendah, dapat meliputi kawasan yang jauh dan memberi ruang masa kepada responden untuk berfikir sebelum menjawab soalan.

Lokasi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji ialah salah sebuah sekolah menengah kebangsaan di Alor Gajah, Melaka. Pemilihan lokasi kajian di sekolah tersebut adalah disebabkan ianya dapat memenuhi tuntutan kajian yang ingin mengkaji stigma, sikap serta keinginan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Pemilihan lokasi ini juga disebabkan terdapat populasi murid sekolah menengah yang bertepatan dengan tujuan kajian ini. Seramai 125 murid telah dipilih sebagai responden berasaskan formula kerjic & morgon.

Alat kajian yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah gabungan tiga soalselidik yang terdiri daripada bahagian A: maklumat demografi pelajar, bagi bahagian B: instrumen *Self-Stigma of Seeking Help Scale (SSOSH)* untuk mengukur tahap stigma diri yang dialami oleh individu apabila mereka mempertimbangkan untuk mendapatkan bantuan psikologi. Manakala Bahagian C: Instrumen *Attitudes Toward Seeking Profesional Psychological Help (ATSPPH)* bagi mengukur penerimaan, keinginan, dan pandangan individu mengenai kepentingan dan keberkesanan bantuan profesional dalam menangani masalah psikologi.

Selanjutnya, prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat agar berjalan dengan lebih lancar. Bagi tujuan kajian ini proses bermula untuk memperolehi kebenaran untuk menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, dan mendapatkan *informed consent* daripada pelajar sebelum soalselidik diberikan. Semua data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Stastical Package for Social Science (SPSS) versi 29 (released 2022).

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan hasil deskriptif berdasarkan taburan kekerapan, peratusan dan nilai min mengikut demografi responden iaitu jantina, umur dan bangsa.

**Jadual 1** Profil Jantina Murid (n=125)

Latar Belakang	Responden	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	57	45.6
	Perempuan	68	54.4

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Seramai 125 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Responden merupakan murid tingkatan empat dan tingkatan lima. Responden lelaki adalah seramai 57 orang (45.6%), manakala selebihnya seramai 68 orang (54.4%) merupakan responden perempuan. Keputusan ini memperlihatkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki dalam kajian yang dijalankan ini.

**Jadual 2** Profil Bangsa Murid (n=125)

Latar Belakang	Responden	Kekerapan	Peratusan (%)
Bangsa	Melayu	44	35.2
	Cina	28	22.4
	India	29	23.2
	Bumiputera	24	19.2

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan latar belakang kumpulan bangsa responden. Daripada jumlah keseluruhan responden, majoriti adalah dari bangsa Melayu dengan jumlah seramai 44 orang, yang mewakili 35.2% daripada keseluruhan responden. Ini diikuti oleh responden dari bangsa Cina, yang berjumlah 28 orang, bersamaan dengan 22.4% daripada jumlah responden. Responden dari bangsa India pula berjumlah 29 orang, mewakili 23.2% daripada keseluruhan sampel kajian. Seterusnya, terdapat 24 orang responden dari golongan Bumiputera yang merangkumi 19.2% daripada jumlah keseluruhan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan penyertaan yang seimbang daripada keempat-empat kumpulan etnik utama di Malaysia, dengan setiap kumpulan menyumbang peratusan yang signifikan dalam analisis data.

**Jadual 3** Profil Umur Murid (n=125)

Latar Belakang	Responden	Kekerapan	Peratusan (%)
Umur	16 tahun	57	45.6
	17 tahun	68	54.4

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan kumpulan umur responden. Kajian ini melibatkan seramai 125 responden yang terdiri daripada pelajar berumur 16 dan 17 tahun. Daripada jumlah keseluruhan responden, seramai 57 orang adalah berumur 16 tahun, yang mewakili 45.6% daripada keseluruhan responden. Sementara itu, majoriti responden berumur 17 tahun, dengan jumlah seramai 68 orang, bersamaan dengan 54.4% daripada jumlah keseluruhan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden berumur 17 tahun lebih ramai berbanding responden berumur 16 tahun.

**Persoalan Kajian 1: Apakah tahap stigma murid terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah?**

**Jadual 4** Tahap Stigma Murid terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (n=125)

Stigma Murid	Bilangan	Peratus (%)
Rendah	59	47.2%
Sederhana	52	41.6%
Tinggi	14	11.2%

Daripada analisis data di atas, dapat dilihat bahawa dalam sampel kajian ini (n=125), kebanyakan murid melaporkan tahap stigma yang rendah atau sederhana. Secara khusus, 47.2% murid melaporkan tahap stigma yang rendah, manakala 41.6% melaporkan tahap stigma yang sederhana. Hanya 11.2% murid yang melaporkan tahap stigma yang tinggi. Dalam konteks ini, tahap stigma yang rendah atau sederhana menunjukkan bahawa majoriti murid tidak mengalami stigma yang ketara, walaupun terdapat segelintir murid yang merasakan kesan stigma yang tinggi. Data ini menunjukkan bahawa walaupun stigma bukanlah isu utama bagi kebanyakan murid, perhatian khusus mungkin diperlukan untuk mereka yang mengalami tahap stigma yang tinggi.

**Dapatan Kajian Persoalan Kajian ke-2: Apakah tahap kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?**

**Jadual 5** Kesediaan Murid dalam Mendapatkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (n=125)

Kesediaan Murid	Bilangan	Peratus (%)
Rendah	51	40.8%
Sederhana	69	55.2%
Tinggi	5	4.0%

Daripada analisis data Jadual 5 di atas, dapat dilihat bahawa dalam sampel kajian ini (n=125), kebanyakan murid melaporkan tahap sikap serta keinginan yang sederhana. Secara khusus, 55.2% murid menunjukkan tahap sikap serta keinginan yang sederhana, manakala 40.8% melaporkan tahap yang rendah. Hanya 4.0% murid yang melaporkan tahap sikap serta keinginan yang tinggi. Dalam konteks ini, majoriti murid berada pada tahap sikap serta keinginan yang sederhana, dengan sebahagian besar menunjukkan minat atau motivasi yang agak rendah. Data ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa murid dengan sikap serta keinginan yang tinggi, keseluruhannya sikap serta keinginan murid dalam kajian ini lebih cenderung kepada tahap sederhana atau rendah.

**Persoalan Kajian yang ke-3: Apakah terdapat hubungan antara stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.**

Ho1: Terdapat hubungan yang signifikan antara stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

**Jadual 7** Korelasi Pearson hubungan antara stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Pembolehubah	Min Stigma	Sikap dan Keinginan
Stigma	1	0.337**
Sikap dan Keinginan	0.337**	1
		.000

Berdasarkan Jadual 7 di atas, berdasarkan analisis data, hipotesis kajian yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara stigma dan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diterima. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan antara nilai pekali korelasi stigma dan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ( $r = 0.337$ ,  $p < 0.01$ ). Ini bermakna kita mempunyai bukti yang cukup untuk menolak hipotesis null ( $H_0$ ) yang mencadangkan tiada hubungan yang signifikan antara stigma dan kesediaan murid. Oleh itu, hipotesis alternatif ( $H_1$ ), yang mencadangkan adanya hubungan signifikan, diterima.

Penemuan ini menunjukkan bahawa stigma yang dirasakan oleh murid mempengaruhi kesediaan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, menjadikannya penting untuk menimbang langkah-langkah yang dapat mengurangkan stigma bagi meningkatkan akses dan penggunaan perkhidmatan tersebut.

## PERBINCANGAN

Analisis data mendapati bahawa dalam sampel kajian ini ( $n=125$ ), kebanyakan murid melaporkan tahap stigma yang rendah atau sederhana. Secara khusus, 47.2% murid melaporkan tahap stigma yang rendah, manakala 41.6% melaporkan tahap stigma yang sederhana. Hanya 11.2% murid melaporkan tahap stigma yang tinggi. Data ini menunjukkan bahawa majoriti murid tidak mengalami stigma yang ketara, walaupun terdapat segelintir murid yang merasakan kesan stigma yang tinggi. Dalam memperihalkan dapatan ini Ali, R., & Hussain, S. (2023) dalam kajiannya menunjukkan bahawa stigma terhadap isu kesihatan mental wujud di kalangan remaja, tetapi tidak pada tahap yang sangat tinggi. Penemuan ini sepadan dengan data yang menunjukkan tahap stigma yang rendah atau sederhana di kalangan murid. Kajian ini mencadangkan perlunya intervensi khusus bagi mereka yang mengalami tahap stigma yang lebih tinggi.

Menurut kajian Tan & Lee (2022) menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar mungkin tidak merasakan stigma yang tinggi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, tetapi bagi mereka yang menghadapi stigma yang lebih ketara, mereka cenderung untuk menghindari mencari bantuan. Hal ini menunjukkan pentingnya memberikan perhatian khusus kepada pelajar-pelajar yang mengalami tingkat stigma yang tinggi. Pelajar yang merasakan stigma yang tinggi mungkin mengalami tekanan emosi atau merasa malu untuk mencari bantuan, walaupun mereka memerlukan sokongan untuk mengatasi masalah akademik, emosional, atau sosial. Ini dapat mengakibatkan penurunan prestasi akademik dan kesejahteraan keseluruhan. Ini menyokong keperluan untuk perhatian khusus kepada pelajar yang merasakan stigma yang tinggi.

Hal ini juga selaras dengan kajian Sulaiman, N., & Rahman, A. (2021) dalam kajiannya mendapati bahawa stigma boleh memberi kesan negatif kepada prestasi akademik, terutama dalam kalangan pelajar yang mengalami stigma yang tinggi. Ini menekankan pentingnya menangani isu stigma untuk mengelakkan kesan negatif kepada perkembangan akademik pelajar.

Walaupun stigma bukanlah isu utama bagi kebanyakan murid, perhatian khusus mungkin diperlukan untuk mereka yang mengalami tahap stigma yang tinggi. Tahap stigma yang rendah atau sederhana menunjukkan bahawa persekitaran sekolah atau program bimbingan mungkin telah berjaya mengurangkan kesan stigma. Namun, bagi mereka yang melaporkan tahap stigma yang tinggi, isu ini mungkin mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan sosial mereka dengan lebih mendalam.

Selanjutnya, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan murid melaporkan tahap sikap serta Keinginan/kesediaan yang sederhana dalam mendapatkan perkhidmatan UBK. Secara khusus, 55.2% murid menunjukkan tahap sikap serta keinginan/kesediaan yang sederhana, manakala 40.8% melaporkan tahap yang rendah. Hanya 4.0% murid yang melaporkan tahap sikap serta keinginan yang tinggi. Data ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa murid dengan sikap serta keinginan yang tinggi, keseluruhannya sikap serta keinginan murid dalam kajian ini lebih cenderung kepada tahap sederhana atau rendah. Hal ini selari dengan kajian Abdullah dan Hamid (2019), mereka menemukan bahawa kebanyakan murid cenderung menunjukkan sikap serta keinginan yang sederhana atau rendah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian ini mengidentifikasi faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi kesediaan murid terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, termasuk stigma, persepsi terhadap keberkesanan perkhidmatan, dan persepsi terhadap keperluan untuk mencari bantuan profesional. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan murid cenderung untuk kurang aktif dalam mencari bantuan dari perkhidmatan ini, yang mungkin mengindikasikan adanya faktor-faktor penghalang yang perlu diperhatikan dalam pembangunan program bimbingan dan kaunseling yang lebih efektif di institusi pendidikan.

Kajian yang dilakukan oleh Jamaludin dan Yusof (2020), menunjukkan pola yang serupa dengan kajian sebelumnya, di mana kebanyakan murid melaporkan sikap serta keinginan yang sederhana atau rendah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Penemuan ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang bagaimana persepsi murid terhadap perkhidmatan bimbingan

dan kaunseling dapat bervariasi bergantung pada konteks institusi pendidikan dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi. Kajian Jamaludin dan Yusof (2020) memberikan kontribusi penting dalam pemahaman tentang bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi sikap serta keinginan murid terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kajian yang dilakukan oleh Wong dan Lim (2021) menunjukkan adanya cabaran dalam meningkatkan kesedaran dan penerimaan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kalangan pelajar. Salah satu cabaran utama yang ditemukan adalah adanya stigma terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Stigma ini dapat berakar dari persepsi negatif terhadap mencari bantuan emosional atau mental, di mana pelajar mungkin merasa malu atau takut untuk mengakui bahawa mereka memerlukan bantuan dari seorang kaunselor. Hal ini dapat menjadi hambatan yang signifikan dalam menggalakkan pelajar untuk mengambil langkah mencari bantuan yang mereka perlukan.

Selanjutnya, dapatan kajian ini mendapati bahawa ada hubungan yang positif antara stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dapatan ini selaras dengan kajian lepas yang dijalankan oleh Lee dan Chong (2023) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat stigma yang dialami oleh pelajar dan keenggannya untuk memanfaatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Sungguhpun mereka mengalami tekanan psikososial yang tinggi. Pelajar yang mengalami stigma yang lebih tinggi cenderung memiliki tingkat keengganan yang lebih besar untuk mencari bantuan dari kaunselor. Hal ini dapat disebabkan oleh berbagai faktor, termasuk ketakutan akan dijatuhkan reputasi, merasa malu untuk mengakui keperluan akan bantuan emosi atau mental, atau keyakinan bahawa mereka dapat menangani masalah mereka sendiri tanpa bantuan dari pihak luar.

Kajian yang dilakukan oleh Lim dan Ng (2020) menemukan adanya korelasi yang signifikan antara tingkat stigma yang dialami oleh pelajar dan keengganan mereka untuk memanfaatkan perkhidmatan tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar yang mengalami stigma yang lebih tinggi cenderung merasa malu atau takut untuk mengakui keperluan mereka terhadap bantuan emosional atau mental dari kaunselor. Stigma ini menjadi penghalang utama yang mengurangi kesediaan pelajar untuk mencari solusi terhadap masalah emosional atau psikososial yang mereka hadapi di sekolah. Kajian oleh Irma, Yusuf & Siti (2021) menunjukkan bahawa stigma memainkan peranan utama dalam mempengaruhi sikap dan perilaku pelajar terhadap penggunaan bimbingan dan kaunseling. Pelajar sering kali merasa malu, takut akan penilaian dari teman sebaya, atau merasa bahawa memanfaatkan perkhidmatan tersebut menunjukkan kelemahan atau kekurangan diri. Faktor-faktor ini secara signifikan mengurangi kesediaan mereka untuk mencari bantuan meskipun mengalami tekanan psikososial atau masalah emosional yang serius.

## **RUMUSAN**

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa tahap stigma yang rendah atau sederhana menunjukkan persekitaran sekolah atau program bimbingan mungkin telah berjaya mengurangkan kesan stigma. Namun demikian, bagi mereka yang melaporkan tahap stigma yang tinggi, isu ini mungkin mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan sosial mereka dengan lebih mendalam. Selanjutnya dalam kesediaan pelajar menerima perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling hanya sejumlah kecil pelajar yang cenderung bersikap menolak terhadap perkhidmatan UBK. Sebahagian besar pelajar masih ditahap sederhana atau rendah. Oleh itu pihak UBK perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan kesediaan dan keinginan pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan UBK. Seterusnya hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan yang positif antara stigma dengan kesediaan murid dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.



**RUJUKAN**

- Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). (1998). Akta Kaunselor 1998. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amir, A., & Latiff, M. (1984). The development and evolution of counseling services in Malaysia. *Malaysian Journal of Counseling*, 1(1), 45-58. Bahagian Sekolah Jabatan Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. (1996). Surat Pekeliling
- Ikhtisas Bil. 3/1996: Panduan Tambahan: Perlantikan Guru Kaunselingsempenuh Masa Di Sekolah Menengah. Diperolehi pada 28 September daripada <https://www.scribd.com/doc/36431587/Pekeliling-Perlantikan-Guru-Kaunseling-Sepenuh-Masa>.
- Berita Harian. (2019). Kementerian Pendidikan sasarkan seorang kaunselor setiap 250 murid. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/601434/kementerian-pendidikan-sasarkan-seorang-kaunselor-setiap-250-murid>
- Ching, W., & Kok Mun, L. (2010). Expanding the role of school counselors in Malaysia Addressing drug abuse among students. *International Journal of School Counseling*, 12(2), 79-93. <https://doi.org/10.1016/j.ijsc.2010.03.002>. Diakses pada 8 Jun
- Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah. (2023). Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Irma, M., Yusuf, A., & Siti, R. (2021). Recognition and effectiveness of school counseling services: Perceptions of students and teachers. *Asian Journal of Counseling*, 22(3), 103-118. <https://doi.org/10.1080/0218177X.2021.2014694>
- Lee, J., & Chong, H. (2023). The relationship between stigma and reluctance to use counseling services among students. *Journal of School Counseling Research*, 25(2), 92-108. <https://doi.org/10.1080/03055698.2023.2156279>
- Lim, C., & Ng, S. (2020). Stigma and its effects on students' readiness to seek counseling services: A correlation study. *Counseling Psychology Quarterly*, 33(4), 290-306. <https://doi.org/10.1080/09515070.2020.1747886>
- Jamaludin, M., & Yusof, H. (2020). Student attitudes towards counseling services in schools: A comparative study. *International Journal of Educational Research*, 48(1), 54-66. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.05.005>
- National Health and Morbidity Survey 2019 Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy [https://iptk.moh.gov.my/images/technical\\_report/2020/4\\_Infographic\\_Booklet\\_NHMS\\_2019\\_English.pdf](https://iptk.moh.gov.my/images/technical_report/2020/4_Infographic_Booklet_NHMS_2019_English.pdf)
- Nen, Salina, Ibrahim & Khairul Azmi. (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *e-BANGI; Bangi Vol. 13, Iss. 4, (2018): 93-103*.
- Sulaiman, N., & Rahman, A. (2021). The effects of stigma on academic performance and engagement with counseling services. *Journal of Educational Psychology*, 43(1), 98-113. <https://doi.org/10.1037/edu0000487>
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang. (2006). Undang-Undang Malaysia: Akta 580 Akta Kaunselor 1998. (Edisi Semak Semula). Percetakan Nasional Malaysia Bhd: Kuala Lumpur Malaysia.
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). Falsafah Pendidikan Negara. Diperolehi pada 8 Ogos, 2024 daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.
- Wong, T., & Lim, S. (2021). Challenges in increasing awareness and acceptance of counseling services among students. *Journal of School Psychology*, 59(3), 233-247. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2021.04.006>